

Headline **Grid pengesanan tingkat pertanian**
 Date **26. Feb 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **29**
 Section **Ekonomi** Article Size **365** cm2
 Circulation **217991** Frequency **Daily**
 Readership **762968** Color **Full Color**



Grid pengesanan tingkat pertanian

Projek usaha sama Mimos, Oracle bantu petani urus ladang secara komersial

MIMOS Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Oracle Corporation Sdn Bhd, bagi membangun dan melaksanakan projek perintis grid pengesanan untuk sektor pertanian di negara ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata grid pengesanan untuk sektor pertanian mempunyai potensi besar kerana ia dapat melaksanakan proses pengumpulan data, penyelidikan dalam hakisan tanah, alam sekitar, pemantauan dan pelbagai aktiviti lain.

"Penggunaan pengkomputeran grid bagi pertanian dapat membantu petani menguruskan ladang secara komersial kerana segala maklumat terperinci mengenai tanah, tanaman boleh ditanam, penggunaan baja dan racun serangga sesuai serta tidak memudaratkan alam sekitar, da-

pat dicapai dengan mudah dan tersedia pada bila-bila masa," katanya.

Beliau berkata demikian semasa majlis memeterai MoU berkenaan di Kuala Lumpur, semalam. Abdul Wahab mewakili Mimos, manakala Oracle diwakili Pengarah Urusannya, K. Raman.

Projek grid pengesanan bagi sektor pertanian itu adalah sebahagian daripada KnowledgeGRID Malaysia, satu inisiatif strategik dilaksanakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ogos tahun lalu.

Pengkomputeran secara grid itu dapat menyediakan satu data bersepadu untuk pertanian, kerajaan, kewangan, industri dan enterpris. Pelaksanaan projek perintis itu akan digabungkan aplikasi pengesanan dibangunkan Mimos dengan teknologi sistem pangkalan data Oracle Fusion Middleware and

Database.

Abdul Wahab berkata, wujud potensi besar bagi penyelesaian grid pengkomputeran untuk sektor pertanian yang mana sektor berkenaan akan menjadi antara penyumbang



terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

"Inisiatif KnowledgeGRID Malaysia yang diperkenalkan itu akan membawa pertanian negara ke peringkat lebih tinggi selaras Ranca-

ngan Malaysia Kesembilan," katanya.

Beliau berkata, Mimos merancang untuk memindahkan teknologi yang sedang dimajukan itu kepada syarikat yang terbabit dalam Koridor Pembangunan Utara.

Sementara itu, Raman berkata pihaknya berhasrat membantu negara dengan menyokong inisiatif KnowledgeGRID Malaysia bagi membangunkan prasarana kebangsaan dalam bidang pengkomputeran grid.

Katanya, syarikat akan terus berkongsi dan membangunkan teknologi baru bagi industri negara, terutama sektor pertanian.

"Kami gembira menyokong inisiatif KnowledgeGRID Malaysia dan amat selesa bekerja dengan Mimos untuk membantu sebuah prasarana negara yang memaksimumkan sumber pengkomputeran serta mempercepat penyelidikan dan pembangunan perindustrian bagi kekayaan negara dan pewujudan nilai," katanya.

“Inisiatif KnowledgeGRID Malaysia yang diperkenalkan itu akan membawa pertanian negara ke peringkat lebih tinggi selaras Rancangan Malaysia Kesembilan”

Abdul Wahab Abdullah
 Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos